



30 PENAMBAHBAIKAN DILAKSANAKAN SPRM BERDASARKAN CADANGAN JKA

Kuala Lumpur, 14 Julai - Sebanyak 30 penambahbaikan telah dilaksanakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berdasarkan saranan dan cadangan daripada Jawatankuasa Aduan (JKA) SPRM.

Pengerusi JKA SPRM, Dato' Asariah Mior Shaharuddin berkata, antara penambahbaikan ini yang sudah pun diambil tindakan oleh SPRM adalah membabitkan tatacara pengendalian barang kes, tafsiran aduan serta tatacara kelakuan membabitkan warga SPRM.

"Sejak ditubuhkan, JKA sudah memberi pelbagai cadangan penambahbaikan dan sehingga kini sebanyak 30 daripadanya sudah dilaksanakan dan sudah dilaporkan dalam Buku Laporan JKA.

"Ini bertepatan dengan matlamat penubuhan JKA iaitu untuk menambahbaik SPRM dalam pengurusan bangunan, pengurusan warga kerja dan juga pengurusan aduan yang turut membabitkan orang awam," katanya,

Beliau berkata demikian ketika Sesi Dialog Bersama Warga Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) sempena Lawatan Ahli Jawatankuasa Aduan (JKA) SPRM ke Akademi ini hari ini yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato' Junipah Wandii.

Menurut Dato' Asariah, penambahbaikan dilaksanakan SPRM itu sesuai dengan peranan JKA yang dibentuk secara perundangan mengikut seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Dalam Sesi Dialog itu juga, Jawatankuasa Aduan yang juga disertai dua ahlinya iaitu Dato' Tam Weng Wah dan Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal turut memberi penerangan fungsi JKA dalam meneliti aduan, tindakan serta siasatan terutama membabitkan kesalahan dilakukan warga SPRM.

Sebelum itu, ketiga-tiga ahli JKA berkenaan turut dibawa melawat ke akademi berkenaan serta diberikan taklimat mengenai fungsi MACA dalam mengendalikan latihan kepada warga SPRM serta agensi awam lain.

Lawatan berkenaan juga bertujuan untuk melihat pengurusan pengendalian MACA, Pengurusan Bangunan dan Pengurusan Latihan Pegawai Baru SPRM selain mendapatkan input dan maklumbalas mengenai isu, perkara, masalah atau persoalan dalam kalangan warga SPRM.

JKA turut menyatakan amat teruja dengan pencapaian MACA berdasarkan taklimat disampaikan oleh Pengarahnya, Dato' Haji Idris Zaharudin dan mengharapkan MACA terus cemerlang dalam pelaksanaan tanggungjawabnya untuk meningkatkan kemahiran serta kapabiliti warga SPRM.

Turut hadir Pengarah Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme (BCP) SPRM, KPKPj Ismajuri Ismail di mana BCP bertindak selaku urusetia kepada JKA.

